

ORANG² TERPELAJAR DIBERI JAWATAN PENTING TETAPI JADI PENYAMUN

UM 20 JAN 1987

BERIKUT ialah teks ucapan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam dialog dan perjumpaan pertama dengan ahli - ahli Kelab UMNO United Kingdom/ Eire, pada 14 Januari 1987 di Dewan Bangunan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London.

SAYA berasa bertuah kerana dapat berjumpa dengan jumlah yang begitu ramai ahli - ahli UMNO United Kingdom/ Eire. Sebenarnya saya berada di Eropah kerana bercuti dari bekerja. Tetapi seperti biasa cuti orang politik ini lain dari orang lain. Dia tidak dapat pisahkan daripada politik dan oleh kerana itu semasa berada di London saya mengambil kesempatan ini untuk berjumpa dengan ahli - ahli Kelab UMNO UK/Eire. kerana saya berpendapat adalah penting dalam masa keadaan di negara kita ini amat mencabar kita faham akan mendapat masalah yang kita hadapi ini dan tidak tahu pula bagaimana kita perlu bertindak untuk mengatasi masalah ini. Kita telah merdeka 30 tahun dan UMNO telah berada 40 tahun. Tiga puluh tahun dalam sejarah sesebuah negara bukanlah satu jangka masa yang panjang, tapi bagi satu negara yang muda, 30 tahun memberi peluang kepada kita membentuk dasar dan tindakan yang boleh menentukan masa depan.

dihantar ke universiti. Tapi kita tiap-tiap tahun menghantar ribuan penuntut melanjutkan pelajaran di luar negeri.

Dalam bidang pelajaran pula dinyatakan banyak yang telah dibuat, sudah terdapat di kalangan orang - orang Melayu yang mempunyai ijazah hingga ke peringkat kedoktoran dan lain - lain lagi. Sudah terdapat di kalangan orang - orang Melayu.

Dalam bidang ekonomi pula kita telah mewujudkan peluang - peluang perniagaan yang kita beri satu pertimbangan yang istimewa kepada orang - orang Melayu yang ingin berniaga baik di peringkat yang besar atau di peringkat yang tinggi dan kecil - kecilan telahpun kita ada bermacam peluang yang ada.

Bahkan ada kontrak - kontrak yang dikhaskan untuk orang - orang Melayu atau sekurang - kurangnya kita beri pertimbangan orang - orang Melayu bahawa lebih daripada orang lain.

Kalau dapati tawaran mereka adalah sama dengan orang lain.

Begitu juga dalam peluang pekerjaan di dalam

*"Kalau kerajaan tidak ada,
bukan saja mereka tempang,*

hasil seperti yang dijangka.

Demikian juga di peringkat yang rendah, orang - orang Melayu menjadi orang yang bergantung semata - mata kepada kerajaan. Kalau kerajaan tidak ada, bukan saja mereka tempang, tetapi lumpuh sama sekali tidak dapat berdiri atas kaki sendiri.

Ini bagi saya merupakan satu kegagalan yang besar. Satu kegagalan yang perlu kita terima, kita iktiraf, kita akui, tidak guna kita kata bahawa ini semua kesalahan orang lain. Mungkin ada orang lain yang berkata ini kesalahan ahli - ahli politik, mereka yang membentuk dasar dan mengambil tindakan, tetapi kita tidak boleh salahkan ahli - ahli politik saja.

Ahli - ahli politik mengambil tindakan kerana dipercayai bahawa inilah caranya untuk menolong bangsa sendiri dan mereka didesak oleh orang Melayu keseluruhannya. Semuanya mendesak supaya memberi peluang, memberi tempat memberi gaji yang tinggi, memberi bermacam - macam kepada orang Melayu. Tetapi kita tidak boleh salahkan ahli politik saja. Ahli politik mengambil tindakan kerana dipercayai bahawa inilah caranya untuk menolong bangsa sendiri dan mereka didesak oleh orang Melayu keseluruhannya. Semuanya mendesak supaya memberi peluang, memberi tempat, memberi gaji yang tinggi, memberi bermacam - macam kepada orang - orang Melayu. Ahli politik mestilah ikut dan kerana mereka ikut, adalah kesalahan mereka kerana mereka mendesak itu adalah kesalahan orang yang mendesak.

Kita juga harus ingat sebelum kita merdeka kita bukan merupakan sebuah negara sebaliknya kita adalah suatu kumpulan negeri - negeri yang ditadbir secara berasingan yang dipisah antara satu sama lain kerana dasar - dasar penjajah. Setiap seorang daripada kita menjadi rakyat kepada raja masing - masing.

Sebenarnya ketika itu orang Melayu khususnya tidak ada hubungan antara satu sama lain, ada orang Perak, Selangor, Kedah, Perlis dan sebagainya. Masing - masing menganggap mereka sebagai rakyat negeri itu bukan rakyat Malaysia.

Malaysia sebagai sebuah negara, sebenarnya adalah konsep British, walaupun kita marah kepada mereka, tetapi satu perkara yang kita perlu ucapkan terima kasih kepada mereka ialah mereka mewujudkan satu konsep negara yang bersatu, negara yang berbentuk Persekutuan yang mana negeri - negeri Melayu dicantumkan menjadi sebuah negara yang dikatakan 'Malaya'.

Walaupun demikian, hasrat mereka bukanlah untuk kepentingan kita. Mereka percaya pada ketika mereka membentuk Malaya itu bahawa empayar British itu akan berada selama ada matahari, bulan dan bintang. Malangnya manusia boleh merancang, tapi Tuhan yang menentukan apa yang akhirnya akan berlaku.

Jadi, walaupun bukanlah hasrat untuk menyatupadukan orang Melayu, tetapi tindakan mereka itu membawa sesuatu nikmat kepada kita iaitu kita telah sedar bahawa kita adalah orang Melayu di negeri - negeri Melayu yang berada di Semenanjung. Kemudian daripada itu kita telah bercantum pula dengan Sabah dan Sarawak dan juga Singapura.

Malangnya dengan sebab - sebab tertentu, Singapura terpaksa berpisah yang mana muncullah negara Malaysia yang mempunyai berbagai kaum yang utama dan pertama, yang merupakan kaum yang terbesar sekali dalam negara kita iaitu orang - orang daripada berbagai negeri, tetapi sudahpun tidak lagi mempunyai perasaan yang terhad di negeri masing - masing, tetapi Malaysia.

Kita telah merdeka 30 tahun dan dalam masa 30 tahun kita bernasib baik kerana kita telah dapat memerintah negara kita sendiri. Walaupun ada kaum-kaum lain yang mengambil bahagian tetapi orang Melayulah yang memainkan peranan yang terbesar dan oleh kerana kuasa berada di tangan kita, maka kita telah mengambil bermacam tindakan dan bermacam polisi untuk menjamin masa depan kita.

Kita percaya ketika itu bahawa orang-orang Melayu ketinggalan dalam bidang pelajaran dan oleh kerana itu tumpuan diberi kepada bidang pelajaran. Kita mengadakan sekolah di semua kampung, kita mengadakan universiti, kita mengadakan biasiswa untuk menghantar orang-orang Melayu melanjutkan pelajaran di luar negeri.

Kalau zaman British - setahun mungkin 2 dan 3 orang

*tetapi lumpuh sama sekali,
tidak dapat berdiri atas kaki
sendiri. Ini bagi saya
merupakan satu kegagalan
yang besar''*

perkhidmatan pentadbiran kita dapati ramai daripada pemegang jawatan - jawatan yang tinggi, yang pertengahan yang rendah terdiri daripada orang - orang Melayu. Pendek kata, kadang - kadang untuk mencari yang bukan Melayu mendapat jawatan tinggi sudah berkurangan.

Dalam badan yang ditubuhkan oleh bank - bank yang dikuasai oleh kerajaan kita telah meletakkan anak - anak Melayu yang mempunyai ijazah, yang mempunyai profesional untuk memegang jawatan yang tinggi, pengurus besar, pengarah urusan dan banyak lagi jawatan yang dipegang oleh mereka.

Begitu juga di dalam sektor swasta untuk bekerja dalam jawatan - jawatan yang penting, kalau dulu terhad kepada pegawai perhubungan awam tapi kini memegang berbagai tawaran dan pendedahan mereka dalam selok-belok perniagaan telah begitu banyak. Jelas sekali, sudah kita merdeka 30 tahun, kita telah mewujudkan dasar dan mengambil tindakan untuk memberi keutamaan kepada anak - anak Melayu di dalam semua bidang. Tapi hari ini kita harus mengkaji hasil daripada tindakan itu.

Apakah memadai dengan mendapat ijazah - ijazah yang tinggi, menjadi doktor falsafah dan sebagainya, menjadi peguam dan akauntan?

Apakah memadai dengan memegang jawatan yang tinggi dalam kerajaan dan di dalam perusahaan dan perniagaan? Setelah kita kaji, kita dapati bahawa sebenarnya pelajaran dengan sendirinya dan jawatan dengan sendirinya tidak mempunyai makna.

Hari ini malangnya kita dapati orang - orang yang terpelajar, anak - anak Melayu yang terpelajar yang telah diberi peluang memegang jawatan tinggi sudah menjadi penyamun, sudah mencuri wang kerajaan, sudah mencuri wang orang ramai, bukan satu, dua, ada setengah yang ternampak ada setengah telah kita ambil tindakan tetapi ramai lagi yang kita belum ambil tindakan kerana tidak ada bukti tentang kegiatan mereka.

Umumnya segala tindakan yang dibuat oleh kita termasuk Dasar Ekonomi Baru dan meletakkan mereka di tempat - tempat yang tinggi tidak mencapai

Kita tidak boleh menolak tanggungjawab kita bahawa kita semua bersalah, kerana kita terlalu ghairah untuk diri kita tanpa memikirkan bahawa pemilihan sesuatu tidak menentukan nasib. Ada banyak bangsa yang mempunyai negara, tetapi tidak menjadi bangsa yang mulia.

Negara mereka besar, negara mereka kaya, kaya yang bukan - bukan tetapi mereka tidak menjadi manusia yang bermaruah, mereka dipandang hina oleh orang lain kerana mereka bergantung kepada pihak lain. Pemilihan sesuatu tidak akan mendatangkan faedah melainkan kita tahu bagaimana kita memelihara apa yang dimiliki. Kalau yang dimiliki oleh kita itu kuasa, maka kita perlu tahu bagaimana menggunakan kuasa itu.

Kalau apa yang kita milik itu ialah kepandaian, kita mesti tahu bagaimana menggunakan kepandaian itu. Kalau kita mempunyai harta, kita juga mesti tahu menggunakan harta. Negara kita dikata kaya dan penuh dengan bijih timah, dengan kayu kayan, tanah yang subur dan ikan di laut dan berbagai lagi punca kekayaan.

Tetapi, selagi kita tidak tahu menggunakannya punca kekayaan ini, kita tidak akan mendapat faedah daripadanya. Memang benar kalau dikatakan Malaysia adalah sebuah negara yang kaya, tetapi kekayaannya tidak mempunyai makna sehingga ianya dapat menjelma menjadi satu punca untuk kekuatan bagi kita.

Kalau bijih ada dalam tanah umpamanya, kita tidak kaya semata - mata kerana ada bijih dalam tanah.

Kalau kita dapat mengeluarkan bijih itu dan menjualkan bijih itu maka kita dapat wang daripada kekayaan.

Kalau kita dapat mengeluarkan bijih itu dan kita dapat meleburkannya dan membentuk serta menjadikan apa juga benda yang boleh digunakan oleh manusia, maka kekayaan kita akan bertambah.

Yang penting bukan adanya bijih di dalam tanah, tetapi keupayaan berfikir, keupayaan menggunakan fikiran kita untuk menterjemahkan kekayaan kita itu kepada sesuatu yang berguna kepada manusia yang memberi keuntungan dan faedah kepada kita. Itu yang penting. Dalam usaha ini kita perlu kepada pelajaran, kita perlu kepada kecekapan, tetapi lebih penting daripada itu ialah kita perlu kepada amanah. Ini kerana setiap sesuatu yang hendak dibuat perlu pada amanah daripada mereka yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kerja.

Yang sedih ialah kita dapati kurang benar amanah di kalangan kita, apabila kita meletakkan sesuatu jawatan ramai yang menyalahgunakan jawatan itu. Kita memberi peluang kepada mereka mentadbir bank, mereka mencuri duit itu, sudah kaya tetapi masih lagi menjadi pencuri, penyamun dan tidak ada sama sekali perasaan timbang rasa, perasaan tanggungjawab kepada tugas

yang diberi kepada mereka.

Apabila kita esok memegang jawatan duduk di tempat yang penting, sedikit demi sedikit 'ideal' yang kita miliki dahulu hilang dan kita akan memikirkan tentang poket kita. Kita akan memikirkan tentang kepentingan kita, tidak lagi soal bangsa kita.

Sebab itu 30 tahun kita merdeka kita belum mencapai satu tahap yang mulia, satu tahap yang boleh menjamin bangsa kita akan menjadi satu bangsa yang akan dihormati oleh dunia.

Untuk ini, selagi kita tidak terima bahawa kesabaran itu ada pada kita bukan pada orang lain, saya percaya kita tidak akan mencapai matlamat. Yang penting sekali sekarang ini bukan bercakap pasal kesalahan orang lain tetapi bertanya kepada diri sendiri apa kesalahan itu, kalau kita menjadi pengikut apakah kita tumpukan perhatian kita untuk mendapat kejayaan sepenuhnya.

Dalam negara kita terdapat tiga kaum yang terbesar, orang Melayu, orang Cina, India dan memang benar orang - orang Melayu merasa cemburu dengan kedudukan kaum - kaum lain. Tetapi hanya dengan merasai cemburu tidak akan mendatangkan faedah, hanya merasai perasaan benci dengan kaum - kaum lain tidak juga akan mendatangkan faedah.

Yang lebih penting ialah kita boleh memelihara segala apa ada kepada kita, segala kepercayaan yang diberi kepada kita, mestilah kita pelihara dengan cukup baik. Kalau sesuatu tugas diberi kepada kita, kita akan pikul tugas - tugas itu dengan cukup bertanggungjawab. Sebagai pelajar mungkin percaya orang lain yang salah, orang lain yang melakukan itu, kita tidak. Mungkin para pelajar memikirkan satu, dua orang terlibat yang terkenal kita bercakap berkenaan BMF, tapi bukan BMF saja, banyak lagi yang terlibat dengan penyalahgunaan kuasa.

Kita telah mencapai satu tahap yang kita tidak boleh percaya kepada orang lain. Sebab itu kita cuba mengadakan sistem untuk mengelakkan daripada penyalahgunaan kuasa. Baru - baru ini saya telah meng-

"Kita memberi peluang kepada mereka mentadbir bank, mereka mencuri duit itu, sudah kaya tapi masih lagi menjadi pencuri, dan tidak ada sama sekali perasaan timbang rasa, perasaan tanggungjawab kepada tugas yang diberi kepada mereka"

adakan seminar dengan pegawai - pegawai tinggi kerajaan. Ramai pegawai tinggi kerajaan yang berpendapat kita terlalu banyak peraturan dan undang - undang yang menyekat tindakan yang perlu diambil.

Saya bersetuju benar kerana kita terlalu banyak red - tape, perintah am dan sebagainya, tapi bila kita soal balik kenapa kita perlu kepada red tape dan cara - cara bekerja, sebabnya kerana kita tidak boleh percaya kepada orang. Kalau diberi kuasa mutlak kepada seseorang untuk memutuskan sesuatu maka lambat laun akan berlaku perkara - perkara yang tidak diingini.

Kalau umpamanya kita hendak mengeluarkan kontrak, kita tahu siapa yang patut dapat kontrak itu, tetapi kalau kuasa yang diberi kepada satu orang saja untuk memutuskannya, maka adakah perkara - perkara yang tidak baik yang akan berlaku, sebab itu kita perlu mengadakan sistem pemeriksaan dan pertimbangan, semakan oleh badan itu dan ini dan yang akhirnya keputusan dibuat dalam satu jawatankuasa yang mengambil masa yang banyak sebabnya kita hendak mengelak daripada perbuatan yang tidak diingini.

Dengan adanya sistem ini, maka kita menjadi tidak berkesan. Kita tidak dapat menjalankan sesuatu dalam jangka masa dari apa yang sepatutnya, kita tidak dapat lari dari ini kerana kita tidak dapat percaya dari sesiapaupun.

Saya tidak kata kepada sesiapaupun, tapi malangnya kadang - kadang telah berlaku kepada orang yang kita punyai banyak harapan. Perkara seperti ini berlaku oleh kerana satu, dua berbuat demikian, maka yang lain terpaksa memikul beban dan beban ini menambah kos.

Setiap sesuatu yang kita buat, memikul kos yang tinggi kerana kita terpaksa melalui berbagai liku untuk mengelak daripada perkara - perkara yang tidak diingini berlaku.

Kita percaya bahawa ada yang lebih penting lagi daripada pengetahuan, lebih penting lagi kepada ijazah tinggi, lebih penting daripada Ph.D ialah karektor sesuatu bangsa itu.

Kalau karektor bangsa itu adalah karektor yang mulia, yang mengutamakan nilai - nilai yang mulia dan tidak akan melakukan perkara - perkara yang dipandang jijik oleh manusia, oleh masyarakat maka bangsa itu akan mencapai kejayaan. Sebab itu kita menumpukan kepada pembentukan karektor.